

13/11/2003

Ansara sasar kutip RM1 juta

KUALA LUMPUR: Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara) mensasarkan kutipan RM1 juta melalui Telethon Pendidikan 2003 pada 27 Disember ini.

Presiden Ansara, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata kutipan akan disalurkan kepada Dana Pendidikan yang dimulakan Ansara baru-baru ini.

"Pencapaian anak bangsa kita masih ketinggalan jika dibandingkan dengan pencapaian di negara maju. Masalah keciciran, gejala kemiskinan dan persekitaran yang tidak kondusif sentiasa menjadi penghalang kepada mereka untuk maju.

"Dana Pendidikan bertujuan memberi peluang pendidikan kepada golongan miskin yang mungkin menghadapi masalah berkenaan," katanya di Dewan Megapuri di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini kelmarin.

Beliau berkata, masalah kemiskinan dan kurang kemampuan untuk meneruskan pendidikan bukan saja wujud berlaku di kawasan pedalaman, malah di kalangan masyarakat bandar yang terlalu miskin untuk memberikan pendidikan kepada anak mereka.

"Melalui bengkel dalam Kongres Profesional Pemuda Melayu tahun lalu, kami mendapati ada pelajar sekolah rendah luar bandar keciciran ketika di tahun dua memandangkan keluarga tidak mampu menanggung perbelanjaan pendidikan.

"Perkara seperti itu tidak seharusnya berlaku di negara ini yang semakin maju, terutama di kalangan masyarakat bandar.

"Bagaimanapun, penubuhan tabung ini bukan bermaksud Ansara mahu bersaing dengan tabung sedia ada tetapi menjadi pelengkap kepada tabung bantuan pendidikan yang lain," katanya.

Mukhriz turut berterima kasih dengan sokongan dan kerjasama pihak media memberikan liputan terhadap aktiviti persatuan sejak mula ditubuhkan 10 tahun lalu.

"Tidak kira sama ada program kecil atau besar, media sentiasa hadir dan ini membuktikan Ansara dan media mempunyai hubungan yang cukup baik," katanya.